



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA**

JAWATAN KOSONG PROJEK FAMA

Jawatan Kosong di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :

1. Pramusaji - 1 Kekosongan

Taraf Jawatan : Anggota Projek FAMA (Kontrak)

Penempatan : Kafe Lazaria, Ibu Pejabat FAMA

Gred / Jadual Gaji : Gred K2

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,258.40	RM2,589.40	RM55.00

Elaun – Elaun : Elaun Kedatangan : RM75.00 Sebulan

Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii) Memiliki Sijil Rendah Pelajaran (SRP)/ Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR)/ Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- iv) Syarat kemasukan ini berbeza berbanding dengan syarat kemasukan (kelayakan) ke jawatan bertaraf tetap dan berbeza dalam perkhidmatan awam.

Bidang Tugas :

- i) Membantu dalam aktiviti-aktiviti jualan Kafe Lazaria
- ii) Bertanggungjawab menyediakan pesanan pelanggan, menghantar dan menghidangkan pesanan
- iii) Mematuhi arahan dari semasa ke semasa

CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p**.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil SPM/SRP/PMR/PT3, Sijil Persekolahan **yang telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.

(c) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.

(d) Permohonan hendaklah sampai kepada:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 2, Bangunan FAMA Point
Lot 17304, Jalan Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 batu Caves
Selangor

Sebelum atau pada : **02 Ogos 2022 (Selasa)**

CATATAN AM :

Calon-calon di ingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **6 bulan** dari tarikh tutup iklan, hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.